Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

'Terlalu banyak universiti, kepakaran merosot'

Oleh Farah Marshita Abdul Patah - Januari 6, 2024 @ 4:21pm
farahmarshita@bh.com.my



Moderator, Prof Ts Dr Mohamad Kamal Harun (kiri) dan ahli panel, Prof Tan Sri Datuk Seri Dr Noor Azlan Ghazali (tengah) dan Ketua Pegawai Eksekutif TalentCorp, Thomas Matthew pada Sesi 1- Peranan KPT Sebagai Penyedia Bakat Negara pada Wacana Strategi Kementerian Pendidikan Tinggi bertempat di Pusat Dagangan Dunia (WTC) KL. - Foto NSTP/Rohanis Shukri

KUALA LUMPUR: Malaysia mempunyai terlalu banyak universiti sehingga menyukarkan tumpuan untuk membangunkan bidang tertentu yang boleh membantu negara.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Monash Universiti, Prof Datuk Dr Adeeba Kamaruzaman, berkata pertumbuhan pesat universiti menyebabkan kepakaran dalam bidang berkenaan merosot.

Katanya, apa yang perlu dilakukan adalah meletakkan universiti sedia ada sebagai satu kluster untuk menerajui bidang tertentu seperti bidang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM), sains sosial, pertanian dan keterjaminan makanan.

"Kita perlu memaksa mereka untuk bekerjasama kerana dalam bidang sains, saintis tidak boleh bekerja secara silo.

"Jika tidak boleh bekerjasama, kita mungkin perlu menggabungkan universiti-universiti yang ada," katanya pada sesi forum Wacana Strategi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC KL), di sini, hari ini.

Yang turut hadir Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Sementara itu, Pengerusi Education Malaysia Global Services, Dr Abdul Razak Ahmad, berkata dalam pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara, tumpuan masih diberikan kepada jumlah pelajar antarabangsa dan bukannya dengan melakukan kajian secara global atau membawa universiti global datang ke negara ini.

Katanya, dalam hal pengantarabangsakan pendidikan tinggi, Malaysia sudah mula lebih awal daripada negara-negara lain dan mempunyai pendekatan yang sangat progresif.

"Bagaimanapun, Malaysia perlu menawarkan sesuatu yang lebih menarik kepada pelajar antarabangsa.

"Kita memerlukan lebih banyak kajian, universiti dan juga perkongsian global dan ini tidak berlaku. Dalam tempoh 10 tahun lalu, kita tidak melihat pembukaan cabang universiti asing yang baharu di negara ini… malah kita juga tidak mampu membawa universiti kita ke negara luar," katanya.

Beliau berkata selama ini kita hanya melihat pelajar antarabangsa sebagai punca pendapatan untuk menampung kewangan sesetengah universiti dan bukannya sebagai manfaat masa hadapan untuk negara.

"Saya rasa itu perlu diubah kerana pelajar antarabangsa boleh memberikan pelbagai impak berganda sekiranya mereka dibenarkan untuk menyumbang kepada negara selepas bergraduan," katanya.